


www-internet  
p. 52-53

<http://www.net-sights.com/advertising/facts-about-advertising.htm>

Laman web ini menyediakan maklumat berguna mengenai pengiklanan. Fakta penting boleh dijadikan panduan. Terdapat panduan kepada pembikin iklan untuk semua jenis produk mahupun industri. Antaranya bagaimana untuk membuat iklan suplemen diet, fesyen, fabrik, minuman, restoran, bank dan pelbagai lagi. Garis panduan ini boleh dijadikan sebagai landasan untuk anda sebagai pembikin iklan mencari idea yang lebih bernas dan menepati apa yang dikehendaki oleh klien mereka. Selain itu, terdapat juga ruangan yang memberi fakta barangan atau sesuatu produk pengguna seperti sejarah penubuhan dan penemuan terkini dalam sesuatu bidang. Ini memudahkan anda mencari maklumat untuk dialog atau senario yang ingin dimasukkan dalam iklan. Anda juga boleh mengenal pasti peralatan yang ingin digunakan. Terdapat pelbagai panduan untuk mendapatkan barangan dengan penjelasan fungsinya dalam sesebuah iklan. Misalnya belon udara panas boleh digunakan untuk iklan tertentu sahaja. Walaupun sebagai pengguna biasa, anda boleh mengunjungi laman web ini untuk mendapatkan pengetahuan agar tidak mudah cenderung kepada sesuatu produk semata-mata kerana iklan yang menarik. Maklumat yang disediakan pasti berguna untuk anda mengenal pasti komponen mana menyatakan fakta dan yang manakah bertujuan memujuk pengguna. Jadilah pengguna yang bijak!




### Easy Special Effect



- Open the image you want to apply the special effect to.
- Duplicate the image by pressing **SHIFT + D** on the keyboard. (Never work on your original)
- If the image is less than 16 Million colors, increase the colors to 16M. (Colors | Increase Color Depth | 16 Million Colors)

Copy the background layer to new layer. Open the Layers Palette and drag the background button down to

<http://www.dow.com/engineeringplastics/color/effect/>



Effecton sebuah syarikat kejuruteraan plastik yang menyediakan bahan penting dalam menghasilkan kesan khas solekan kepada filem Hollywood. Terdapat lapan kemasan estetik yang digariskan oleh syarikat ini dalam melakukan kesan khas. Selain menghasilkan bahan yang diinginkan oleh pengarah sesebuah filem mereka turut mengambil kira kos dengan berpegang kepada penghasilan bahan berkualiti dengan kos yang murah. Tetapi penekanan utama diberikan kepada tarikan daya tumpuan orang yang melihatnya. Untuk mencapai tahap ini mereka menggunakan bahan yang boleh menimbulkan warna metalik, berkilau, pendarfluor, lut sinar, pemilihan warna, jubin dan pastel. Di laman web ini anda juga boleh melihat hasil kerja syarikat ini dalam filem seperti *Mystic*, *Hercules*, *Vogue* dan beberapa lagi yang tersohor dalam arena perfileman Hollywood. Selain itu, anda juga boleh mengemukakan soalan berkenaan bidang ini dan akan dijawab oleh salah seorang kakitangan Effecton. Ini merupakan peluang baik kepada peminat kesan khas di negara kita untuk bertukar idea dan pengalaman tentang kesan khas dengan pakar dari luar. Sekiranya anda klik pada tajuk filem, anda akan dijelaskan tentang kaedah kesan khas yang dilakukan dalam filem dan perisian apakah yang digunakan. Tetapi tidak mudah untuk mendapat hasil kerja bertaraf antarabangsa sekiranya anda hanya tahu perkakasan yang digunakan sahaja. Ini disebabkan teknik kesan khas memerlukan kreativiti dan kemahiran yang tinggi serta pengalaman yang bukan sedikit.

[http://psptips.com/5/layers/special\\_layer.html](http://psptips.com/5/layers/special_layer.html)

Sekiranya anda berminat untuk menjadi jurutera kesan khas yang bertaraf dunia, kunjungilah laman web ini untuk mencabar kemahiran anda dan mengasah bakat yang ada. Bagi yang baru berjinak-jinak dengan bidang ini, anda boleh menyertainya kerana panduan langkah demi langkah yang disediakan amat mudah dan senang difahami. Tinggal lagi sama ada anda mempunyai bakat dan kreativiti yang tinggi ataupun tidak. Sekiranya anda mengikut setiap langkah yang diberikan maka anda boleh menilai hasil yang anda peroleh, sama atau tidak dengan apa yang terdapat dalam laman web ini. Sebenarnya tidak ada pengukuran yang boleh menilai sama ada hasil yang dibuat itu cantik atau tidak kerana setiap penilaian kecantikan dan kesempurnaan itu bersifat subjektif. Ini disebabkan panduan langkah demi langkah yang ditunjukkan hanya meminta agar anda mengurangkan atau menambah ketajaman warna sahaja. Jumlah pengurangan dan penambahan pula tidak diberikan. Ini bergantung kepada daya kreativiti anda untuk menetapkan sebanyak mana yang anda mahukan dan gambar yang bagaimana anda ingin hasilkan. Sekiranya anda tidak faham dengan istilah yang digunakan anda boleh membuka ruangan *Glosary* yang mengandungi istilah dan makna biasa digunakan dalam bidang ini. Terdapat pelbagai panduan langkah demi langkah mudah yang pastinya menyeronokkan untuk dicuba.

facts about advertising - Microsoft Internet Explorer provided by Karangkraf Ultimate Group

File Edit View Favorites Tools Help

Back Forward Stop Home Search Favorites Media Print

Address <http://www.net-sights.com/advertising/facts-about-advertising.htm> Go Links

## ADVERTISING

Google

Home / advertising / facts about advertising

**The best information on facts about advertising can be found at these sites**

**Dietary Supplements: An Advertising Guide for Industry** ... directly apply to advertising, it has generated many questions about the FTC's approach ... benefit. Similarly, advertising that makes either ... include information about any significant ... before drafting advertising claims ... unqualified claim about the anti-clotting ... The dietary supplement industry

Subscribe  
Email Address   
  
Subscribe to our Advertising newsletter.

[http://www.artpapa.com/art\\_lessons/0000043.html](http://www.artpapa.com/art_lessons/0000043.html)

Coming oil painting video workshops - Microsoft Internet Explorer provided by Karangkraf Ultimate Group

File Edit View Favorites Tools Help

Back Forward Stop Home Search Favorites Media Print

Address <http://www.artpapa.com/video-coming.htm> Go Links

Antonov's Paintings | Free Art Lesson | Pricing | Reference Forum | Forum | Newsletter

New release!!! Claret Grapes 3rd Classical Oil Paintings Video Workshop

### Coming video workshops

Learn how to paint in the classical oil painting technique

Dear Viewers,  
1art.com and ArtPapa.com is proud to inform you about available and coming video workshops from Alexei Antonov. Alexei Antonov's educational projects of the Action for the Ecology of Culture series feature step-by-step explanation and demonstration of the rediscovered craftsmanship secrets of the Old Masters. Various compositions are used to demonstrate the painting of different textures, and to explain the peculiarities of different colors and factures. The Action for the Ecology of Culture series aims to follow the evolution of different Renaissance schools of painting.



Video workshops available now:

- Video Workshops
- Claret Grapes Workshop
- Portrait Workshop on Line
- Portrait Workshop
- Still Life Workshop
- Still Life Workshop on Line
- Coming Workshops
- What Customers said
- Antonov's Paintings
- Free Download
- Guides Limited Editions
- Printing Purchasing
- Online Demonstrations
- Kids Art Lessons
- Ceramics Lessons
- Free Painting Lesson
- Your Comments
- Newsletter
- Affiliate Program
- Older Forums
- ArtPapa.com Forum
- Dear ArtPapa members...

Laman web ini dibuat khususnya untuk memberi pendedahan kesan khas kepada kanak-kanak. Anda boleh lihat hasil kerja kanak-kanak berusia 10 tahun dengan menggunakan kesan khas. Sebenarnya, kerja seni yang ditunjukkan ini merupakan hasil daripada program yang dilakukan ke atas beberapa orang kanak-kanak yang berminat. Mereka akan diajarkan melukis menggunakan cat minyak dan diajar oleh seorang pelukis terkenal Alexei Antonov. Walaupun beliau seorang pelukis terkenal tetapi yuran yang dikenakan kepada yang berminat hanya RM100 sahaja untuk satu kursus. Beliau akan mengajar pelajar yang ada kalanya jauh dari kelas yang disediakan melalui video yang dilengkapi dengan perisian yang membolehkan komunikasi berlangsung antara guru dan pelajar. Selain itu, laman web ini turut mengandungi forum yang menjadikan teknik lukisan dan kesan khas sebagai topik utama. Mereka akan membincangkan gambar yang dipaparkan dari segala segi. Ruangan ini menjadi medan perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan peminat bidang seni lukis. Laman web ini turut menyelitkan kempen Cintai Alam Sekitar. Menurut pelukis ini, alam sekitar yang indah perlu dijaga kerana inilah yang akan diabadikan pada kanvas oleh kanak-kanak untuk menjadi kenangan generasi seterusnya.